

# Anugerah: MASkargo ke peringkat akhir

UM-02 OKT 2004

**K**UALA LUMPUR 1 Okt. — Malaysia Airlines Cargo Sdn. Bhd. (MASkargo) terpilih ke peringkat akhir bagi Anugerah Logistik Asia Ketiga 2004, di bawah kategori Syarikat Pengangkutan Kargo Udara Terbaik dan akan bersaing dengan empat syarikat pengangkutan kargo udara Asia yang lain.

Majalah *Lloyd's FTB Asia* mengumumkan calon-calon peringkat akhir bagi kesemua 13 kategori yang dipertandingkan bagi anugerah itu dalam terbitan September. Undian dibuat berdasarkan beberapa kriteria yang disiarkan dalam terbitan-terbitannya sejak Mac.

Menurut majalah itu, syarikat pe-

nerbangan kargo Asia lain yang bertanding di bawah kategori yang sama ialah Cathay Pacific Cargo, Emirates SkyCargo, Lufthansa Cargo dan Singapore Airlines Cargo.

Nama-nama pemenang bagi anugerah yang dianjurkan bersama dengan majalah *Asian Readerships of Containerisation International dan International Freighting Weekly* itu, akan diumumkan pada 7 Oktober di Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur.

Menurut majalah itu, bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menjadi tetamu khas, sebagai mengiktiraf kefahamannya tentang peranan penting yang akan dimainkan oleh sektor pengangkutan

dan logistik negara ini dalam usaha mengubah ekonomi Malaysia daripada ekonomi yang bergantung kepada pertanian, kepada sebuah ekonomi berasaskan industri.

Sebanyak empat syarikat Malaysia yang lain juga terpilih ke peringkat akhir bagi tiga kategori lain daripada sebanyak 13 kategori.

Advanced Cargo Center, KL International Airport (KLIA) dicalonkan bagi Anugerah Terminal Kargo Udara Terbaik; Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Barat bagi kategori Terminal Kontena Terbaik; dan KTM Bhd bagi kategori Pengendali Kereta Api Terbaik bagi 2004.